



كوڤراسي ڳورو ملايو كلنتن برحد

**KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD**

**CATATAN MINIT  
MESYUARAT AGUNG KAWASAN  
KOTA BHARU 1**

**TARIKH : 08 OKTOBER 2021 (JUMAAT)  
TEMPAT : ATAS TALIAN (ZOOM MEETING)  
MASA : 9.00 PAGI**

**ATUCARA  
MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK)  
KOTA BHARU 1  
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD**

**HARI PENDAFTARAN**

**HARI PERTAMA, 07 OKTOBER 2021 (KHAMIS)  
(Sehari sebelum MAK)**

- 3.00 ptg – 7.00 ptg - Pendaftaran Anggota ke Mesyuarat Agung Kawasan secara atas talian di dalam sistem pendaftaran e-AGM (<https://sola.my/eagm>)

---

**ATUCARA  
MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK)  
KOTA BHARU 1  
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD**

**HARI KEDUA, 08 OKTOBER 2021 (JUMAAT)**

- 7.30 pagi – 9.00 pagi - *Log in* di sistem (<https://sola.my/eagm>) untuk memasuki Zoom Meeting (Mesyuarat Atas Talian) dan sambungan sesi pendaftaran  
*(Anggota boleh terus membuat pengundian pemilihan perwakilan setelah berjaya mendaftar, jika ada pengundian)*
- 9.00 pagi – 9.30 pagi - **Ucapan Pengerusi Lembaga**  
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad
- 9.30 pagi - **MESYUARAT AGUNG KAWASAN BERMULA MENGIKUT AGENDA**
- 10.30 pagi - *Log in* di sistem (<https://sola.my/eagm>) untuk sesi pengundian (pemilihan perwakilan kawasan).  
- Agenda mesyuarat diteruskan selepas pengumuman pengundian.
- 12.00 tgh - Bersurai

## **AGENDA**

1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-13.
4. Menimbang Laporan Lembaga 2020.
5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-26 Tahun 2021.
6. Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2020.
7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2022 semakan 2021 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Kali Ke-26 Tahun 2021.
8. Menimbangkan cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

**CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN  
KAWASAN KOTA BHARU 1**

Tarikh : 08 Oktober 2021 (Jumaat)  
Tempat : Atas Talian (Zoom Meeting)  
Masa : 9.00 pagi

1. Kehadiran :

1.1 Pengerusi Lembaga : Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob  
Setiausaha : Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar  
Bendahari : Tn. Hj. Muhmad Saupi b Yunus  
Timb. Pengerusi : Tn. Hj. Che Husin b Che Soh  
Timb. Bendahari : En. Asmadi b Omar  
ALK : Tn. Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain  
: Tn. Hj. Ismail b Salleh  
: Tn. Hj. Mat Kait b Abdullah  
: Tn. Hj. Zulkarnain b Mohamed  
: En. Mohamed Zainy b Mohamed Zain  
: En. Salbani b Ishak  
: En. Mdzlan b Mamat  
: En. Mohd Zin b Halim

JAD : Hj. Jamaludin b Yusoff  
: Hj. Shapei b Abu Bakar  
: Hj. Samsudin b Abdul Rahman

2.2 Anggota : 453 orang

### 3. UCAPAN Pengerusi Lembaga

Assalamualaikum..

Ybrs. Pengacara Majlis,

Yang dihormati barisan ALK dan warga pengurusan

Semua anggota Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad Kawasan Kota Bharu 1 termasuk anggota yang berada di luar negeri Kelantan yang berkesempatan hadir dalam mesyuarat kali ini.

Alhamdulillah sama-sama kita memanjat kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang untuk mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan secara maya pada kali ini akibat pandemik COVID 19 yang melanda negara sejak Mac 2020.

Mesyuarat agung dwitahunan ini adalah memberi peluang kepada anggota menyemak kejayaan yang telah dicapai oleh KGMK dan memberi cadangan penambahbaikan samada tadbir urus atau cadangan-cadangan aktiviti baru yang patut diceburi oleh KGMK bagi meningkatkan lagi pendapatan kepada koperasi.

Tuan/puan yang dihormati,

Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad yang telah beroperasi sejak tahun 1940 yang kini telah berusia 81 tahun yang lalu adalah antara koperasi yang terbaik di negeri Kelantan dan sehingga 31 Disember 2020 jumlah aset koperasi sebanyak RM88 juta dan modal yuran anggota berjumlah RM56.8 juta.

Dengan modal yuran anggota inilah koperasi telah menjalankan aktiviti-aktiviti untuk menambahkan pendapatan kepada koperasi seperti kredit, pelaburan & hartanah, Ar-Rahn, perniagaan Kedai Tayar, perhotelan dan kemudahan belian barangan seperti motosikal, perabot, komputer dan lain-lain barangan melalui anak syarikat koperasi iaitu BGSB.

Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2020 keuntungan koperasi sebanyak RM3.5 juta dan kita masih mampu membayar dividen kepada anggota dengan kadar 3.5% dengan jumlah pembayaran sebanyak RM1.9 juta yang telah pun dikreditkan ke dalam akaun anggota pada bulan Jun 2021 iaitu sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2021 yang mana dividen sepatutnya dibayar kepada anggota selepas Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan. Namun, pihak SKM telah pun memberi kelulusan agar dividen ini dibayar lebih awal ekoran pandemik COVID 19 yang menyebabkan mesyuarat agung kawasan terpaksa diadakan lewat daripada kebiasaannya.

Tuan/puan yang dihormati,

Dari keuntungan koperasi ini juga, perkhidmatan kebajikan anggota seperti kematian, bayaran masuk wad, bayaran penyakit kritikal dan bantuan bencana alam terus dilaksanakan. Pembayaran bagi Tabung Kebajikan Anggota bagi tahun 2020 berjumlah RM1.4 juta dengan bilangan penerima sebanyak 1,444 orang. Manakala bantuan bagi Tabung KWBD sebanyak RM488,200.00 bagi 1,160 orang telah pun dikeluarkan. Untuk makluman anggota, buat masa ini, kedua-dua tabung ini masih lagi mampu membayar tuntutan yang dibuat oleh anggota.

Bagi anggota yang bersara wajib sebanyak RM366,000.00 telah dikeluarkan kepada 244 anggota yang bersara wajib tahun 2020.

Dari data-data yang saya sebut itu menunjukkan bahawa KGMK adalah koperasi yang mengutamakan kebajikan anggota sebagaimana visi kita **“Keuntungan Berganda & Berkebajikan”**.

Saya menyeru kepada semua anggota supaya terus memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti KGMK bagi menambahkan lagi pendapatan kepada koperasi. Untuk makluman anggota, sehingga bulan September 2021, pendapatan KGMK berkurangan disebabkan oleh ancaman COVID 19 yang menyebabkan operasi perniagaan terpaksa ditutup dan anggota gagal merentas daerah untuk datang ke pejabat bagi urusan kredit dan lain-lain perkhidmatan. Pencapaian kredit sehingga bulan September 2021 sebanyak RM1.086 juta berbanding bajet kita sebanyak RM1.4 juta.

Pencapaian keuntungan koperasi sehingga bulan September 2021 bagi semua aktiviti perniagaan ialah RM1.95 juta berbanding bajet RM2.8 juta.

Walaubagaimanapun, marilah bersama-sama kita berdoa semoga pendapatan dan keuntungan KGMK bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 dapat dipertahankan.

Tuan/puan yang dihormati,

Sekadar itulah ucapan saya pada kali ini. Sekali lagi diucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir bermesyuarat di atas talian dan mohon kemaafan sekiranya terdapat sebarang ketidaksempurnaan dalam mesyuarat agung kawasan pada kali ini.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada anggota Kawasan Kota Bharu 1 kerana tiada pemilihan akan dibuat dengan kata lain menang tanpa bertanding yang mana seramai 25 orang calon yang menawarkan diri telah berjaya sebagai anggota Perwakilan Kawasan Kota Bharu 1. Ini menggambarkan anggota kawasan Kota Bharu 1 ada kesepakatan untuk mengelak daripada bertanding dan berharap mesyuarat atas talian selepas ini berjalan lancar.

Sekian dan saya sudahi dengan lafaz wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Selamat bermesyuarat.

## **AGENDA**

### **AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat**

- 1.1 Pengacara Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 En. Saadi b Hassan (007903) mencadangkan En. Ruslee b Omar (007618) sebagai Pengerusi Mesyuarat dan disokong oleh En. Amran b Ghani (008272).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat**

- 2.1 Pengacara Majlis juga menjelaskan bahawa Setiausaha Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 En. Amran b Ghani (008272) mencadangkan En. Saadi b Hassan (007903) sebagai Setiausaha Mesyuarat dan disokong oleh Hj. Mohd Azam b Othman (013461).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke -13/2019**

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-13/2019.
- 3.2 Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-13/2019 dari muka surat 1 hingga muka surat 11 untuk diterima dan disahkan.
- 3.3 Hj. Mohd Azam b Othman (013461).mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-13/2019 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Aluwi b Hassan(011503).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2020**

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar untuk membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2020.
- 4.2 Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2020 bermula dari muka surat 1 hingga muka surat 45.
- 4.3 Hj. Zakaria b Yusoff (008651) mencadangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2020 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Nik Mohd Zamri b Mat Nasir (020385).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 5 :                   Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan  
Tahunan ke 26/2021**

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi JK Pemilihan, Hj. Muhmad Saupi b Yunus untuk membentangkan berkenaan dengan pemilihan perwakilan Kawassan Pasir Puteh.
- 5.2 Hj. Muhmad Saupi b Yunus menjelaskan sebagaimana diberitahu awal tadi, tiada pemilihan perwakilan dilakukan untuk Kawasan Kota Bharu 1 ini dan semua calon seramai 25 orang yang menawarkan diri telah menang tanpa bertanding.
- 5.3 Seterusnya beliau mengumumkan calon-calon daripada Kawasan Kota Bharu 1 yang telah menang tanpa bertanding seperti berikut :

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	014080	CHE MURNI BT CHE COB	SMK TANJONG CHAT
2	018703	NORAIDA SALMIZA BT MOHAMED	SMK TANJONG CHAT
3	008651	ZAKARIA B MOHD YUSOFF	LOT 162 JLN PENGKALAN CHEPA
4	009604	NIK SHALIZA BT ABD RAHMAN	SM SAINS TG MUHAMMAD FARIS PETRA
5	007903	SAADI B HASSAN	SK ISLAH
6	008272	AMRAN B GHANI	SMK PENGKALAN CHEPA 2
7	008273	TUAN ZAILANI BT TUAN ABDUL RAHMAN	KOLEJ VOKASIONAL PENGKALAN CHEPA
8	007328	WAN RUSAIDI B WAN ABDULLAH	SMK ISMAIL PETRA
9	007254	WAN MOHAMED AZEMI B WAN YAACOB	LOT 781 KG PARI TAMAN BUAYA
10	005709	RAMELI B IBRAHIM	LOT 2623 KG PENGKALAN NANGKA, PENGKALAN CHEPA
11	008821	NORDIN AHMAD B AHMAD	SK ABDUL HADI
12	013461	MOHD AZAM B OTHMAN	SMK KEDAI BULOH
13	018980	ROSKAMILA BT ABD GHANI	SK TANJONG MAS
14	007618	RUSLEE B OMAR	508 LRG MASJID MUTAQIM KG TELUK BARU
15	010070	AZAHAR B YUSOF	SK MERBAU
16	006838	HAMDAM B LATIFF	SMK ISMAIL PETRA
17	008596	MOHAMED B AWANG	SK KAMPUNG SIREH
18	009791	ROSLAN B MOHAMMAD	SK DATO HASHIM 2
19	015744	NORAINI BT DAUD	SMK PENAMBANG
20	014914	MOHD SHAIDI B ZAINAL ABIDIN	SMK (A) NAIM LILBANAT
21	019877	EZANI B MOHAMED	SMK PENGKALAN CHEPA 2
22	011503	ALUWI B HASSAN	KOLEJ VOKASIONAL PENGKALAN CHEPA
23	019233	AZLINA BT MAS ABD HALIM	SMK PENGKALAN CHEPA 2
24	016273	AZIMAH BT MAT JUSOH	SK SULTAN ISMAIL 4
25	020385	NIK MOHD ZAMRI B MAT NASIR	IPG KOTA BHARU



**Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.**

**AGENDA 6 : Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2020.**

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Hj. Muhmad Saupi b Yunus untuk membentangkan draf akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2020.
- 6.2 Hj. Muhmad Saupi b Yunus memaklumkan penyata kewangan yang akan dibentangkan ini adalah akaun yang sudah diaudit dan seterusnya membentangkan akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2020 bermula daripada muka surat 1 sehingga muka surat 63.
- 6.3 En. Nik Mohd Zamri b Mat Nasir (020385) ingin tahu sebab atau punca-punca menyebabkan kerugian atas jualan tanah di Bukit Sireh sebanyak RM687,965.00 (kerugian atas pembatalan jualan tanah) sebagaimana yang dinyatakan di muka surat 10 dan 61. Beliau memberitahu kerugian ini hampir setengah juta dan sedikit sebanyak telah memberi impak kepada penyata kewangan koperasi. Beliau juga ingin tahu kenapa ianya tidak diletakkan di bawah aktiviti projek hartanah.
- 6.4 Bendahari menjelaskan berhubung lot tanah di Bukit Sireh, Kuala Krai yang mana sememangnya anggota perlu tahu dengan jelas berhubung lot tanah ini. Beliau memberitahu lot tanah di Bukit Sireh ini telah dibeli dalam 10 tahun yang lepas yang mana pada masa itu semua ALK telah meninjau lot tanah berkenaan dan di dapati ianya berada di lokasi dan tempat yang menarik untuk dibeli dan dibangunkan untuk dijadikan lot-lot rumah dan kemudian dijual. Kemudian kesemua lot-lot tanah berkenaan telah habis dijual tetapi apabila ingin memulakan untuk memajukan lot tanah berkenaan seperti ingin meletakkan batu sempadan dan sebagainya banyak proses yang perlu dilalui dan salah satunya adalah semakan oleh pihak galian yang perlu membuat pemeriksaan ke atas tanah tersebut terlebih dahulu. Namun, akhirnya didapati tanah berkenaan tidak sesuai dan tidak diluluskan oleh Majlis Daerah Kuala Krai untuk dijadikan lot-lot kediaman kerana untuk membina rumah perlu dibina tembok-tembok yang besar dan menelan belanja yang besar dan tinggi melebihi RM1 juta. Oleh yang demikian, pihak ALK telah membuat keputusan agar memulangkan semula duit bayaran jualan lot-lot tanah berkenaan kepada pembeli. Beliau memberitahu tanah berkenaan masih lagi milik koperasi dan terpaksa tukar status kepada pertanian. Sehubungan dengan itu, oleh kerana tanah ini telah diiktiraf sebagai pendapatan maka ianya menjadi rugi ekoran perlu membayar balik kepada pembeli.
- 6.5 En. Nik Mohd Zamri b Mat Nasir (020385) juga ingin tahu berhubung hutang lapuk sebagaimana yang dinyatakan di muka surat 42 yang mana hutang berkenaan terdiri daripada hutang Panashop, penghutang hartanah Ketereh, penghutang Kedai Coopshoppe dan juga Auto Bakti yang kesemuanya lebih kurang RM2 juta. Beliau ingin tahu tindakan yang diambil oleh koperasi dan didapati hutang ini tidak berganjak sejak tahun 2019 dan 2020. Beliau juga ingin tahu sejak bila hutang ini berlaku.

- 6.6 Eksekutif Kewangan memberitahu hutang-hutang lapuk berkenaan adalah hutang 10 tahun yang lepas yang melibatkan hutang sebelum tahun 2005 lagi. Beliau memberitahu sudah lama dibuat peruntukan tetapi masih belum dihapus kira lagi oleh sebab itu masih terdapat baki di dalam penyata kewangan dan akan dihapus kira selepas ini.
- 6.7 En. Nik Mohd Zamri b Mat Nasir (020385) mencadangkan agar peruntukan hutang lapuk dibuat secara tetap setiap tahun dengan jumlah yang munasabah dan tidak digalakan dibuat sekaligus kerana akan memberi kesan kepada keuntungan nanti. Beliau meminta ALK mengambil maklum dengan serius berkaitan dengan hutang lapuk ini agar mendapatkan kaedah terbaik untuk membuat hapus kira hutang lapuk ini dan tidak memberi kesan yang besar kepada keuntungan koperasi selepas ini.
- 6.8 En. Nik Mohd Zamri b Mat Nasir (020385) juga ingin tahu berhubung dengan penghutang hartanah di Ketereh.
- 6.9 Eksekutif Kewangan menjelaskan terdapat 6 lot tanah di Ketereh ini yang mana seorang pembeli telah pun menjelaskan bayaran dan masih tinggal 5 orang pembeli lagi belum menjelaskan bayaran.
- 6.10 Bendahari mengucapkan terima kasih kepada En. Nik Mohd Zamri b Mat Nasir (020385) yang memberi pandangan dan membuat teguran ke atas penyata kewangan koperasi.
- 6.10 Hj. Zakaria b Yusoff (008651) mencadangkan supaya penyata akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2020 diterima dan disahkan, disokong oleh Hj. Rameli b Ibrahim (005709).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 7 : Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2022 Semakan 2021 Untuk Dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-26/2021**

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Hj. Muhmad Saupi b Yunus untuk membentangkan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2022 semakan 2021 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-26/2021.
- 7.2 Hj. Muhmad Saupi b Yunus membentangkan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2022 semakan 2021 untuk dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-26/2021 dari muka surat 1 hingga muka surat 9.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 8 : Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.**

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar untuk membenteng cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
- 8.2 Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar menjelaskan tiada pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara..

**AGENDA 9 : Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.**

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Tn. Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar untuk membentangkan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.
- 9.2 Tn. Hj. Mohd Razali menjelaskan bahawa tiada usul yang diterima daripada Lembaga dan Anggota Koperasi tujuh (7) sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**PENCATAT MINIT :**


1. PN. WAN ROSNIDA BT WAN IBRAHIM
2. CIK SYURAI DAH BT MAT LARAK @ MAT ZAID

**TANDATANGAN PENERUSI MESYUARAT:**



RUSLEE B OMAR (007618)

**TANDATANGAN SETIAUSAHA MESYUARAT:**



SAADI B HASSAN (007903)